LAMPIRAN A

MPKj.PERO.400-5/14/2 Jld.2(49)
23 Mei 2022

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK),** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 69/2022	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Dewan Komuniti Jalan Reko, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Kajang	CIDB G2	CE21	RM50.00	26 Mei 2022 Hingga 9 Jun 2022
MPKj S 14/2022	Cadangan Mengubahsuai Servis Mekanikal Dan Elektrikal Di Kompleks Hentian Kajang, Lot 7522, Jalan Reko, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk Majlis Perbandaran Kajang	CIDB G3	M01 & E04		

TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

Penyebutharga adalah DIGALAKKAN untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 25 Mei 2022 (Rabu)
Waktu Pendaftaran : 8.30 Pagi – 9.30 Pagi
Waktu Taklimat : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Seri Cempaka, MPKj,
Persiaran Saujana Impian, Saujana Impian,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

*** Taklimat dan lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya menghadiri taklimat dan lawatan tapak sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai maklumat terperinci mengenai sebutharga tersebut. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai sebutharga tidak akan dilayan.**

*** Hanya Pemilik/ Penama Sahaja Diwajibkan untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini. Sila bawa bersama Sijil Asal Pendaftaran.**

*** Penyebutharga hendaklah lengkap divaksinasi dengan 2 dos dan telah melepasi tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Penyebutharga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti memastikan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.**

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Penyebutharga boleh merujuk Dokumen Meja Terkawal di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di http://www.mpkj.gov.my/ms.

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang http://tender.selangor.gov.my dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **26 MEI 2022 HINGGA 9 JUN 2022**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 9 JUN 2022 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebutharga/ Tender)
Tingkat 6A, Bahagian Bekalan Dan Perolehan
Menara MPKj
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan hendaklah lengkap divaksinasi dengan 2 dos dan telah melepasi tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran dan digalakkan untuk menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar Dokumen Tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar Dokumen Tawaran secara berkumpulan.